

U B838 AAB
MAHATHIR R R R R

I

KUALA LUMPUR, 25 JULAI (BERNAMA) -- KERAJAAN TETAP AKAN MENGUNDANG SATU PASUKAN DARI SEKRETARIAT KOMANWEL UNTUK MEMERHATI PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA KEPUTUSAN ITU DICAPAI PADA MESYUARAT KABINET HARI INI SELEPAS MENGAJAI SEMULA KEPUTUSANNYA SEBELUM INI UNTUK MENJEMPUT PASUKAN ITU.

BELIAU MEMBERITAHU PEMBERITA DI SINI BAHAWA JEMPUTAN AKAN DISAMPAIKAN KEPADA SEKRETARIAT KOMANWEL DI LONDON TIDAK LAMA LAGI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PASUKAN ITU PERLU BERPERANAN SEBAGAI PEMERHATI PILIHAN RAYA SEPERTI JUGA MANA-MANA KUMPULAN SERUPA ITU YANG MEMERHATI PILIHAN RAYA DI AMERIKA SYARIKAT, BRITAIN ATAU NEGARA-NEGARA LAIN.

+MEREKA TIDAK HARUS MELETAKKAN SYARAT SENDIRI,+ KATANYA.

MINGGU LEPAS, DATUK SERI DR MAHATHIR DILAPORKAN SEBAGAI BERKATA BAHAWA KERAJAAN PERLU MENIMBANG SEMULA HASRATNYA UNTUK MENGHANTAR JEMPUTAN ITU KEPADA SETIAUSAHA AGUNG KOMANWEL KERANA IA BERPENDAPAT BAHAWA SATU KUMPULAN YANG DINAMAKAN +ELECTION WATCH+, YANG DIPIMPIN BEKAS KETUA HAKIM NEGARA TUN MOHAMED SUFFIAN HASHIM, TELAH MEMPENGARUHI SETIAUSAHA AGUNG KOMANWEL UNTUK MENGHANTAR DUA WAKILNYA KE MALAYSIA.

KATANYA BELIAU MEMPUNYAI BUKTI MENGENAINYA. -- LAGI.

1912MST 25 07 90

D524

U B842 AAB
MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR R R R

PERTAMA SEKALI, KATANYA, DUA WAKIL TERSEBUT -- TIMBALAN SETIAUSAHA AGUNG KOMANWEL SIR ANTHONY SIAGURU DAN PENOLONG PENGARAH BAHAGIAN HALEHWAL ANTARABANGSA KOMANWEL, DR NEVILLE LINTON -- TELAH PUN BERADA DI MALAYSIA SEKALIPUN JEMPUTAN RASMI BELUM DIHANTAR KEPADA SEKRETARIAT KOMANWEL.

NAMUN DEMIKIAN, KATA PERDANA MENTERI, KERAJAAN BERSETUJU MENERIMA MEREKA SELEPAS SEKRETARIAT TERSEBUT MENELEFON BELIAU UNTUK MEMBERITAHUNYA TENTANG KEHADIRAN WAKIL-WAKIL ITU UNTUK BERBINCANG DENGAN SURUHANJAYA PILIHANRAYA DAN PARTI-PARTI POLITIK, TERMASUK PEMBANGKANG.

+TETAPI APABILA MEREKA BERJUMPA DENGAN SAYA, MEREKA BERKATA MEREKA AKAN MENEMUI ELECTION WATCH. INI TIDAK DINYATAKAN KEPADA SAYA SEBELUMNYA,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

KATANYA RASA SANGSI BELIAU MENGENAI HUBUNGAN WAKIL-WAKIL ITU DENGAN ELECTION WATCH SEMAKIN BERTAMBAH EKORAN SEPUCUK SURAT YANG DIHANTAR OLEH TUN SUFFIAN KEPADA SEKRETARIAT KOMANWEL YANG MENYENERAIKAN BEBERAPA SYARAT UNTUK PASUKAN PEMERHATI ITU. -- LAGI

1927MST 25 07 90

D532

U B847 AAB
MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR R R R

ANTARA SYARATNYA IALAH:

+PASUKAN PEMERHATI ITU SEPATUTNYA DIBENARKAN MENDAPATKAN LAPORAN-LAPORAN MENGENAI PILIHAN RAYA DAN PILIHAN RAYA KECIL YANG DISEDIAKAN OLEH SURUHANJAYA PILIHANRAYA ATAU SEBARANG DOKUMEN LAIN YANG IA MAHUKAN DARIPADA SURUHANJAYA ITU.

+PASUKAN PEMERHATI ITU SEPATUTNYA DIBENARKAN MENDAPATKAN DOKUMEN-DOKUMEN YANG MENGANDUNGI ADUAN SEJAK EMPAT TAHUN LEPAS (SEJAK PILIHAN RAYA UMUM 1986) YANG DISAMPAIKAN KEPADA SURUHANJAYA PILIHANRAYA.

+PASUKAN PEMERHATI PERLU MENEMUI WAKIL SEMUA PARTI YANG TERLIBAT DENGAN PILIHAN RAYA, TERMASUK PEMBANGKANG. PASUKAN ITU HARUS MENDAPATKAN DAN MENELITI DOKUMEN DAN MEMORANDUM PARTI-PARTI POLITIK DAN CALON-CALON BERKAITAN PENGENDALIAN PILIHAN RAYA.

+PASUKAN PEMERHATI ITU JUGA HARUS DIBENAR MENDAPATKAN MAKLUMAT SAMA ADA SEMUA PARTI POLITIK MEMPUYAI PENDEDAHAN YANG SEJAJAR DI AKHBAR-AKHBAR, SERTA RADIO DAN TELEVISYEN, DAN,

+PASUKAN PEMERHATI HARUS MENYEDIAKAN LAPORAN MENGENAI PENGENDALIAN PILIHAN RAYA UMUM DI MALAYSIA. IA HARUS MENGUMUMKAN LAPORAN ITU. -- LAGI

1943MST 25 07 90

D540

U B851 AAB
MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR R R R

PERDANA MENTERI BERKATA DARIPADA NADA SURAT TERSEBUT DAN BERDASARKAN KEPADA KEINGINAN DUA WAKIL KOMANWEL ITU UNTUK MENEMUI ELECTION WATCH, JELAS TERBAYANG KEPADA KERAJAAN BAHAWA PASUKAN PEMERHATI ITU AKAN BERPERANAN SEBAGAI SATU PASUKAN PENYIASAT UNTUK MENDALAMI PENGENDALIAN PILIHAN RAYA DI MALAYSIA SEJAK 1986.

KATANYA SEKALIPUN ITU MERUPAKAN TUJUAN TERSELINDUNGNYA, BELIAU HAIRAN KENAPA 1986 DIPILIH SEBAGAI TITIK PERMULAAN, WALAUPUN PILIHAN RAYA MULA DIADAKAN DI NEGARA INI SEJAK 1955.

INI MEMBUKTIKAN NIAT JAHAT DI SEBALIK PENUBUHAN ELECTION WATCH, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR, SAMBIL MENYEBUT BAHAWA DARIPADA AWAL LAGI BELIAU SYAK YANG ELECTION WATCH DITUBUHKAN BAGI MEMBURUK-BURUKKAN KERAJAAN.

+TUJUAN MEREKA IALAH MENCARI KESALAHAN SERTA ALASAN UNTUK MENGISYTIHARKAN KESELURUHAN PILIHAN RAYA ATAU SEBAHAGIAN DARIPADANYA TIDAK SAH.

+JIKA INI BETUL, APA YANG HARUS KITA BUAT? ADAKAH KITA AKAN MENGADAKAN PILIHAN RAYA SATU DEMI SATU?+ KATA PERDANA MENTERI.

PERDANA MENTERI BERKATA TIDAK ADA SEBAB BAGI SESIAPA PUN UNTUK MEMPERTIKAIKAN PENGENDALIAN PILIHAN RAYA DI MALAYSIA.

+SEJAK BERTAHUN-TAHUN LAGI, PARTI-PARTI DALAM KERAJAAN TELAH MENANG DAN KALAH. RAKYAT MENERIMA KEPUTUSAN DENGAN BAIK,+ KATANYA.

-- BERNAMA

2003MST 25 07 90